

17 JUN 2001

Iraq-simposium

SIMPOSIUM BINCANG KESAN SEKATAN EKONOMI IRAQ DIRANCANG

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Satu simposium membincangkan kesan sekatan ekonomi yang berpanjangan terhadap Iraq, dirancang diadakan di sini tidak lama lagi.

Ia akan dianjurkan oleh satu kumpulan bebas yang ditubuhkan di kalangan badan bukan kerajaan (NGO) yang menyertai misi keamanan dan persahabatan ke Iraq selama tiga hari berakhir semalam.

Presiden Persatuan Bekas Pelajar-pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara) Mukhriz Mahathir berkata NGO dari luar negara termasuk Amerika Syarikat yang menentang sekatan yang berlarutan selama 10 tahun itu, akan turut diundang.

"Kita perlu meningkatkan usaha menerangkan mengenai isu sekatan ini kerana ia telah menyebabkan kesengsaraan kepada rakyat Iraq," kata Mukhriz yang mengetuai rombongan NGO dalam lawatan ke Baghdad itu.

Menurutnya, pihak NGO di Iraq akan memberi kerjasama dengan memaklumkan kepada penganjur mengenai siapa yang patut dijemput untuk simposium itu.

Majlis itu ditubuhkan agar NGO yang menyertai misi berkenaan mempunyai satu suara terutama dalam usaha melihat sekatan ekonomi yang dikenakan terhadap Iraq ditarik balik.

Dalam lawatan ke Iraq itu, mereka menghadiahkan empat mesin pendua kepada empat pertubuhan di negara itu termasuk Pertubuhan Bulan Sabit Merah.

Bagi pertubuhan itu, mesin berkenaan akan membolehkannya membuat salinan jurnal perubatan untuk diedarkan kepada para doktor di Iraq.

-- BERNAMA

AZZ AZZ MAI